



■ Prof Mohd Fauzi bersama Nuruliman Ibrahim, Muhaazam Mansor, Zuhaimi Abd Rahim yang hadir pada program.

UPM terima Anugerah Lzs

SHAH ALAM - Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima Anugerah Prestasi Peningkatan Pembayar Tertinggi Penolong Amil Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2009' pada Majlis Anugerah Ejen Kutipan Zakat 2009 oleh Lembaga Zakat Selangor (Lzs) baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (HEPA) UPM, Prof Mohd Fauzi Ramli mewakili UPM menerima anugerah yang disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif Lzs, Mohamed Izam Mohamed Yusof di De Palma Hotel, di sini.

Mohd Fauzi berkata, UPM berjaya meningkatkan bilangan pembayar zakat sebanyak 40.42 peratus atau 487 pembayar zakat baru berbanding tahun sebelumnya.

"Saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua warga UPM yang telah melaksanakan kewajipan berzakat melalui Tabung Amanah Zakat UPM"

“Saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua warga UPM yang telah melaksanakan kewajipan berzakat melalui Tabung Amanah Zakat UPM”

■ Prof Mohd Fauzi Ramli

UPM, "katanya.

Beliau berkata, majlis disertai lebih 70 wakil ejen kutipan zakat berkenaan bertujuan menghargai peranan dan kerjasama ejen kutipan zakat dalam memudahkan urusan pembayaran zakat di Selangor.

Selain itu 12 anugerah diberikan kepada ejen kutipan zakat yang berjaya mencapai kutipan zakat tertinggi, jumlah pembayar zakat tertinggi dan prestasi peningkatan kutipan zakat tertinggi.



■ Prof Mohd Fauzi menerima anugerah daripada Mohamed Izam.